

Najib terima anugerah ABE-Edward de Bono 27 Ogos

KUALA LUMPUR 20 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak akan dianugerahi Pingat Emas ABE-Edward de Bono International Persatuan Eksekutif Perniagaan (ABE) kerana pencapaian cemerlangnya dalam perkembangan pendidikan negara.

Presiden ABE, Dr. Edward de Bono akan menyampaikan anugerah itu kepada Timbalan Perdana Menteri pada satu majlis

jamuan gala pada 27 Ogos di sebuah hotel terkemuka di sini.

Pengerusi ABE, Datuk Dr. Tan Tiong Hong berkata; ini adalah kali kedua pencapaian dan sumbangan Najib dalam bidang pendidikan mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Pada Mei 1999, Najib, ketika itu Menteri Pelajaran, menerima Anugerah Stockton pada persidangan penubuhan Majlis Eksport

Malaysia (MEC), katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Ketika Najib menjadi menteri berkenaan dari 1995 hingga 1999, Tan berkata, terdapat pertambahan bilangan pelajar luar di Malaysia serta pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran ke seberang laut.

"Najib adalah orang yang memperkenalkan konsep Pendidikan Bestari membawa kepada penambahbaikan sistem pelaja-

UM - 21/7/2007
ran dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran lebih baik.

"Beliau memberi keutamaan kepada memperluas asas pendidikan dengan menambah kemudahan pendidikan di luar bandar.

"Usaha beliau itu menghasilkan komitmen kerajaan untuk mengubah semua sekolah dalam negara kepada Sekolah Bestari menjelang 2010," kata Tan.

Beliau berkata, antara mereka

yang mendapat manfaat daripada usaha Najib ialah anak-anak peserta Felda, ramai daripada mereka kini memegang kerjaya cemerlang.

Najib juga memainkan peranan utama dalam penubuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi membantu pelajar miskin melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta, ujarnya.

- Bernama